

12 OCT 2002

Mahathir-Perang/I

SERANGAN AMERIKA TERHADAP IRAQ BILA-BILA MASA - DR MAHATHIR

Oleh: Salbiah Said

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau percaya Amerika Syarikat akan melancarkan perang terhadap Iraq pada bila-bila masa sekarang.

"Presiden Amerika George W. Bush kini dalam keadaan tersepit. Beliau sudah komited dan beliau memang mahu melakukannya," kata Perdana Menteri semasa menjawab soalan mengenai kesan peperangan di Iraq pada satu dialog dengan masyarakat Malaysia di Brunei. Dr Mahathir dalam rangka lawatan kerja dua hari ke sini.

Beliau berkata peperangan dengan Iraq akan bermakna perdagangan Malaysia dengan Amerika akan terjejas.

Sedangkan kini, perdagangan dengan Amerika sudah pun terjejas selepas serangan 11 Sept terhadap Pentagon dan ini memburukkan lagi keadaan Amerika yang dibebani dengan pelbagai skandal korporat dan perbankan, katanya.

"Kini Amerika sudahpun tidak membeli barangan Malaysia, dengan pengeluaran mikrochip dari Malaysia ke Amerika turut terjejas.

"Perang akan menjejaskan seluruh dunia. Jika berlaku peperangan, semua kos akan meningkat. Perdagangan adalah penting bagi kita.

"Dalam peperangan, perdagangan tidak akan lancar. Amerika telah menyebabkan kita tersepit. Pada masa yang sama, perdagangan dengan Asia Barat juga akan terhalang dengan perang Iraq," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun pada masa dulu ketika Malaysia mengeluarkan getah dan timah, ia boleh menjual lebih banyak bahan mentahnya semasa Perang Korea, hari ini barangan yang dikeluarkan Malaysia adalah berbeza.

Peperangan di Iraq akan bermakna permintaan bagi produk Malaysia akan berkurangan. Pada masa yang sama, harga akan meningkat, pengangkutan akan menjadi sukar dan kos insurans akan naik.

"Pada pendapat saya, Amerika telah membuatkan dirinya tersepit. Tiada jalan baginya untuk keluar daripada perkara ini (peperangan). Mereka fikir mereka akan melakukan satu peperangan yang amat singkat. Mereka telah menjadikan rakyat Iraq tidak berguna langsung.

"Memandangkan Amerika tidak mahu berperang di darat, anggota tenteranya akan terbunuh, seperti yang berlaku di Afghanistan.

"Mereka menggunakan kapal terbang untuk mengebom dan melancarkan roket terhadap segalanya. Di darat, mereka mempunyai (tentera) British dan Perancis untuk berperang, dan kini mereka hanya mempunyai British untuk berperang. Selamat berjaya kepada mereka," katanya.

"Kita telah membantah terhadap perkara ini kerana kita merasakan sebarang peperangan terhadap Iraq tidak akan membantu menyingkirkan Presiden Iraq Saddam Hussein, tetapi akan membangkitkan lebih banyak kemarahan dan penderitaan terhadap rakyat Iraq. Sekarang ini pun mereka sedang menderita. Saya langsung tidak mahu melihat perkara ini berlaku."

Malaysia, katanya, sedang cuba untuk mengurangkan pergantungan perdagangan terhadap Amerika dengan meningkatkan perdagangan di kalangan negara Asean.

"Memndangkan negara Asean jauh dari pentas peperangan, kita berharap untuk sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kesan peperangan dengan mengadakan perdagangan antara Asean," katanya.

Menyentuh laporan agensi asing mengenai mandat yang diberikan Kongres Amerika memberikan kuasa kepada Presiden Bush untuk membuat keputusan sendirian melancarkan peperangan terhadap Iraq, Dr Mahathir berkata itu

adalah hak Kongres Amerika untuk berbuat demikian.

"Apa yang menjadi hak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ialah ia patut memastikan tindakan sedemikian perlu mendapat kelulusan PBB tetapi PBB tidak bersatu dengan pelbagai perbezaan pandangan dan pendapat," katanya pada persidangan berita selepas itu di Istana Darut Taqwa.

PBB tidak mempunyai sebarang kuasa, termasuk pasukan ketenteraan, untuk menghalang Amerika daripada mengambil tindakan sendirian terhadap Iraq, tetapi ia akan menghalang sebuah negara kecil seperti Malaysia daripada melancarkan peperangan terhadap negara lain, dan berdasarkan saiz mereka, negara kecil dianggap lemah berbanding negara seperti Amerika.

"Kita memperkatakan mengenai kuasa terbesar di dunia...ini yang kita panggil yang kuat itu benar," katanya.

Dalam konteks Islam, Dr Mahathir berkata negara-negara Islam patut bersatu dan tidak memilih untuk keluar daripada PBB, merujuk kepada perkembangan terbaru yang menyaksikan pertubuhan antarabangsa itu kehilangan kuasanya dalam menghalang Amerika daripada menggunakan keputusan sendiriannya terhadap Iraq.

"Memilih untuk keluar bermakna negara Islam akan kehilangan kuasa mereka sendiri sebagai anggotanya. Jika kita tidak berada dalam PBB, pertubuhan antarabangsa itu mungkin akan menyokong keputusan Amerika untuk menyerang Iraq...dan kita semua akan kecewa," kata Dr Mahathir.

"Umat Islam hari ini adalah lemah kerana mereka berpecah dan tidak bersatu, walaupun Islam mengajar mereka untuk menggalakkan perpaduan. Oleh itu kita menjadi lemah dan tertindas," katanya.

Dari segi kekutaan ketenteraan, negara Islam adalah lemah dan ini berpunca daripada kurangnya perpaduan dan penyatuan di kalangan mereka, katanya.

"Persoalan mengenai wang tidak timbul. Banyak wang yang dimiliki negara Islam disimpan di Amerika dan ia juga sedang dilaburkan dan mungkin telah digunakan untuk membeli senjata yang dibiayai Israel," katanya.

-- BERNAMA

SS HK TS RON